

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 MARCH 2017

# Kelantan tidak 'didera'

UM - 13/3/2017

Oleh ZAAIN ZIN  
dan MOHD. HAFIZ ABD MUTALIB  
pengarang@utusan.com.my

## ■ BACHOK 12 MAC

**K**ERAJAAN Persekutuan yang ada hari ini tidak 'mendera' Kelantan sebagaimana yang pernah dilakukan ketika era pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad walaupun negeri ini masih dipimpin pembangkang.

Buktinya, Kelantan menerima peruntukan yang tinggi sehingga mencecah RM12.11 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), iaitu peningkatan ketara berbanding RM2.37 bilion dalam RMK-8, RM6.9 bilion (RMK-9) dan RM5.6 bilion (RMK-10).

Peruntukan tersebut diterjemahkan menerusi deretan projek baharu termasuk yang dirasmikan dalam lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini iaitu Hospital Bachok, Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kota Bharu serta pengumuman Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL).

Menurut Najib, beliau tidak pernah terfikir untuk mengikut jejak langkah pemimpin terdahulu yang berpendapat Kelantan wajar didera kerana menyokong pembangkang.

Beliau sebaliknya menggunakan pendekatan berbeza iaitu mentadbir negara dengan seadil mungkin dan membela nasib rakyat sebaik mungkin tanpa meminggirkan atau membezakan mana-mana negeri.

"Ada pemimpin terdahulu mudah lupa, masa dia jadi Perdana Menteri dia kata orang Kelantan patut didera dengan cara kurangkan peruntukan.

"Tetapi saya fikir lain iaitu de-



**NAJIB TUN RAZAK** bersama Mustapa Mohamed (kiri), Dr. S. Subramaniam (tengah), Awang Adek Hussin (empat dari kiri) dan kenamaan lain melihat replika Hospital Bachok dalam majlis Perasmian Projek Hospital Bachok di Bator, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

ngan cara tambah lagi peruntukan untuk Kelantan kerana kita mahu jadi kerajaan yang adil dan menjadi juara rakyat," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Hospital Bachok serta Jamuan Rakyat yang dihadiri lebih 15,000 penduduk di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr.

S. Subramaniam; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki; Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub serta Ketua UMNO Bahagian Bachok, Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Projek pembinaan Hospital Bachok yang bernilai RM140 juta di atas tapak seluas 20 hektar di Kampung Bator, Jelawat bermula sejak September lalu dan dijangka siap pada September 2019.



**Ada pemimpin terdahulu mudah lupa, masa dia jadi Perdana Menteri dia kata orang Kelantan patut didera dengan cara kurangkan peruntukan."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri